



PELAKSANAAN SKPM akan memudahkan tugas para guru dalam mengenal pasti segala kelemahan yang ada.



SKPM merupakan instrumen penilaian kendiri yang mengandungi set standard tindakan yang perlu dilaksanakan oleh barisan pemimpin dan warga sekolah dalam mengurus proses penyampaian pendidikan.

Perbandingan Pencapaian Sekolah Mengikut Tahun

| Sekolah Rendah | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 |
|----------------|------|------|------|------|
| Band 1 | 324 | 363 | 469 | 494 |
| Band 2 | 2352 | 2518 | 3039 | 3334 |
| Band 3 | 3273 | 3232 | 3049 | 2972 |
| Band 4 | 1343 | 1236 | 946 | 778 |
| Band 5 | 319 | 271 | 151 | 96 |
| Band 6 | 70 | 65 | 48 | 30 |
| Band 7 | 15 | 10 | 7 | 2 |

| Sekolah Menengah | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 |
|------------------|------|------|------|------|
| Band 1 | 70 | 72 | 26 | 17 |
| Band 2 | 145 | 152 | 153 | 135 |
| Band 3 | 188 | 209 | 226 | 201 |
| Band 4 | 716 | 802 | 866 | 544 |
| Band 5 | 1070 | 1013 | 990 | 1207 |
| Band 6 | 85 | 64 | 38 | 166 |
| Band 7 | 2 | 0 | 2 | 1 |

SKPM pengukur sistematik pencapaian sekolah

PUTRAJAYA 10 Nov. – Pelaksanaan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) gelombang kedua yang bakal dilaksanakan pada tahun hadapan sama sekali tidak akan membebankan warga sekolah terutamanya para guru dalam menjalankan tugasannya harian.

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Datuk Dr. Amin Senin berkata, SKPM sebenarnya merupakan alat pengukur yang sistematis untuk melihat perkembangan sekolah dalam memantau pencapaian dan perkembangan sekolah di seluruh negara.

Beliau berkata, pelaksanaan SKPM juga akan memudahkan tugas para guru dalam mengenal pasti segala kelemahan yang ada.

Sehubungan itu, pelaksanaan standard tersebut perlu dibuat secara holistik dan berterusan untuk memperoleh hasil yang diinginkan.



SKPM sebenarnya membantu mereka, kalau SKPM tidak dilaksanakan di peringkat sekolah semestinya ada program-program tertentu yang dianjurkan untuk meningkatkan band sekolah, jadi dengannya adanya SKPM ini akan memudahkan lagi urusan mereka.”

DR. AMIN SENIN
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran

“SKPM sebenarnya membantu mereka, kalau SKPM tidak dilaksanakan di peringkat sekolah semestinya ada program-program tertentu yang dianjurkan untuk meningkatkan band sekolah, jadi dengannya adanya SKPM ini akan memudahkan lagi urusan mereka.

“Oleh sebab itu saya mahu warga sekolah menekankan perkara ini, mereka perlu melaksanakan-

nya dengan betul untuk melihat perubahan kerana pelaksanaannya sama sekali tidak akan membebankan guru,” katanya dalam sidang akhbar, di sini hari ini.

Menurut Amin, sekiranya sekolah berada di band enam atau tujuh, mereka perlu jujur untuk mengakui perkara tersebut dan melakukan penambahbaikan untuk meningkatkan band sekolah.

“Kementerian tidak akan membuat penilaian lain, cuma akan turun ke setiap sekolah untuk membuat penilaian berdasarkan SKPM. Betul atau tidak laporan yang diterima terpulang kepada sekolah dan sekiranya mereka tidak membuat dengan betul mereka akan rugi,” katanya.

Selain itu, katanya, SKPM merupakan instrumen penilaian kendiri yang mengandungi set standard tindakan yang perlu dilaksanakan oleh barisan pemimpin dan warga sekolah dalam mengurus proses penyampaian pendidikan.

“Set standard tersebut terbahagi kepada lima aspek iaitu Standard Kepimpinan, Standard Pengurusan Organisasi; Standard Pengurusan Program Pendidikan; Standard Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdP) serta Standard Kemenjadian Murid,” katanya.